

Sarawak maju kerana BN: Effendi

BH - 11/5/2006

Kemajuan ekonomi, pembangunan infrastruktur bawa perubahan besar kepada rakyat

Pilihan Raya DUN Sarawak

Oleh Hardi Effendi Yaacob

KUCHING: Rakyat Sarawak harus terus menyokong Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya negeri kali ini bagi memastikan lebih banyak pembangunan dibawa ke negeri itu, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Effendi Norwawi.

Beliau berkata, kemajuan ekonomi dan pembangunan infrastruktur yang dikecapi sekarang hasil usaha BN dan bukannya pembangkang.

“Semua kejayaan ini membawa banyak perubahan kepada kehidupan rakyat. Ini hasil dasar politik pembangunan ilham Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, yang menjadi teras pentadbiran kerajaan BN negeri,” katanya di sini semalam.

Terdahulu, beliau bersama Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri, Datuk Daud Abdul Rahman menghadiri mesyuarat khas Jawatankuasa Publisiti BN Negeri bagi mem-

bincangkan persiapan menghadapi pilihan raya negeri kali ini.


Effendi berkata, perkongsian kuasa yang diamalkan BN Sarawak tanpa mengetepikan hak dan kepentingan semua kaum turut menyumbang kepada kemajuan negeri.

“Rakyat Sarawak hidup aman walaupun berbeza kaum, agama dan budaya. Ini mewujudkan kestabilan politik yang penting dalam menyumbang kepada kemajuan negeri.

“Inilah kekuatan utama Sarawak. Tanpa BN, kestabilan politik dan keadaan aman sebegini tidak dapat diwujudkan. Inilah rekod cemerlang BN negeri selama ini,” katanya.

“*Tanpa BN, kestabilan politik dan keadaan aman tidak dapat diwujudkan*”

Effendi Norwawi
Menteri di Jabatan Perdana Menteri



PERANG POSTER BERMULA: Penyokong BN mula memasang poster di sekitar Mukah bagi menghadapi pilihan Raya Sarawak 20 Mei ini.